

08 SEP 1998

KUMPULAN-KEMUKA LAPORAN/I

KUMPULAN PAKAR AKAN KEMUKA LAPORAN MENGENAI KRISIS EKONOMI ASIA TIMUR

BANGI, 8 Sept (Bernama) -- Sebuah kumpulan pakar yang diwujudkan berikutan permintaan daripada menteri-menteri kewangan Komanwel bagi mengkaji implikasi krisis ekonomi Asia Timur, akan mengemukakan laporannya minggu depan, kata Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku hari ini.

"Kumpulan ini telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali dan akan mengemukakan laporannya kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel di Ottawa akhir bulan ini," tambah beliau.

Selain daripada mengkaji implikasi krisis ekonomi itu, yang dianggotai wakil dari negara-negara Komanwel, akan juga mencadangkan langkah-langkah untuk melindungi negara-negara ini daripada kesan-kesan yang menyebabkan ketidak stabilan aliran modal, termasuk kesan-kesan yang timbul daripada spekulasi.

"Pada pendapat saya, sebab utama yang merosakkan ekonomi-ekonomi yang kukuh dan berjaya, terutama di Malaysia, bukan terletak di sini," katanya dalam ucapan pembukaannya pada persidangan dua tahun sekali Persatuan Pentadbiran Awam dan Pengurusan Komanwel (CAPAM) di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menyampaikan ucap utama pada persidangan itu, yang dihadiri oleh lebih 100 peserta.

"Di sini saya merujuk kepada dimensi antarabangsa krisis ini, dan terutamanya kepada peranan yang dimainkan oleh gelagat aliran modal bergerak pada peringkat antarabangsa dalam mencetuskan krisis yang teruk ini," kata Anyaoku.

"Saya yakin beberapa pengajaran boleh didapati daripada analisis krisis ekonomi Asia Tenggara, yang kini telah menjadi krisis pasaran baru muncul yang juga mengancam untuk mencetuskan krisis kewangan dunia dan menyebabkan deflasi sedunia," tambahnya.

Menurut Anyaoku krisis ini langsung tidak dijangkakan manakala kepantasan dan tahap kerosakan akibat kesan jangkitannya juga tidak diramalkan.

Jelaslah, tegas beliau, bahawa satu strategi lengkap bagi membendung kemudahrupaan aliran modal memerlukan tindakan dasar pada tiga peringkat:

\* Tindakan peringkat negara oleh kerajaan-kerajaan yang terbabit bagi membendung atau mengurangkan kemungkinan berlaku krisis negara;

\* Tindakan peringkat antarabangsa untuk mengukuhkan sistem amaran awal dan keupayaan menguruskan krisis dan kesan jangkitan di masa akan datang dengan lebih berkesan; dan

\* Tindakan segera bagi memperkenalkan satu sistem kawal selia antarabangsa yang melindungi ekonomi-ekonomi baru muncul dan mempertingkatkan kestabilan sedunia.

-- BERNAMA

AA KY MA